

## UNTUK EDARAN SEMUA ANGGOTA

# SKIM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK JAWATANKUASA RUKUN TETANGGA DAN PERONDA SKIM RONDAAN SUKARELA JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

Skim Takaful Kemalangan Diri Dan Khairat Berkelompok yang disediakan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menyediakan kemudahan seperti berikut :-

### SKOP PERLINDUNGAN

Menyediakan manfaat kepada anggota atau warisnya jika ditakdirkan berlakunya musibah kemalangan atau kecelakaan yang menyebabkan kematian atau ketidakupayaan dan manfaat tambahan. Perlindungan adalah automatik kepada kesemua anggota berdaftar selama 24 jam, di seluruh dunia.

### JADUAL MANFAAT

SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN MANFAAT (RM)
A. Kematian Akibat Kemalangan	RM 20,000 setiap anggota
B. Keilatan Kekal/Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (Rujuk Jadual Manfaat Pampasan)	RM 20,000 setiap anggota
C. Elaun Hospital	RM 50 sehari (maksima 30 hari)
D. Tuntutan Kos Perubatan	RM 1,000 (maksima)
E. Kos Pengkebumian Akibat Kemalangan	RM 1,000 setiap anggota
F. Khairat Kematian (Biasa/Penyakit)	RM 1,000 setiap anggota

### TERTALUK KEPADA PENGECUALIAN\* SEPERTI BERIKUT:-

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang kecederaan atau keilatan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara yang berikut:-

- Peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau operasi-operasi berupa peperangan, pelanggaran, tindakan musuh luar, pemusnahan, perang saudara, pemberontakan, kegemparan awam yang menyumbang atau membawa kepada rusuhan awam, revolusi, dahagi, rampasan kuasa atau apa-apa tindakan oleh mana-mana Orang Yang Dilindungi bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- Tidak siuman, membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaan mencederakan diri yang disengajakan samada secara siuman ataupun tidak;
- Penyakit kelamin, penyakit berjangkit ataupun penyakit disebabkan parasit;
- Penyalahgunaan dadah atau minuman keras;
- Sebarang bentuk penyakit, kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang kerumitan/komplikasi yang timbul daripadanya;
- Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- Sebarang jenis perjalanan/penerbangan udara sebagai salah seorang ahli kakitangan penerbangan, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam sesebuah kapal terbang berlesen untuk perkhidmatan penumpang;
- Sebarang bentuk pelanggaran undang-undang dan pelanggaran Syariah oleh Orang Yang Dilindungi;
- Penglibatan atau penyertaan peserta dalam sebarang sukan professional, memburu, hoki ais, polo, sukan musim sejuk, berperahu layar, ski-air, aktiviti-aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan dan sebarang penggunaan mesin menggunakan kuasa mekanik;
- Bahan senjata nuklear, sinaran mengion, radiasi atau pencemaran radioaktif dari bahan api nuklear atau dari mana-mana bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi maksud kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa penahanan sendiri proses pembelahan nuklear.

\*Tertakluk pada Terma-terma, Syarat-syarat dan Pengecualian Sijil/Kontrak Induk.

### MEMORANDUM 1

Polisi ini secara langsung melindungi segala kemalangan akibat aktiviti Rukun tetangga.

### TATACARA TUNTUTAN

**Notis Pemberitahuan Kemalangan/Tuntutan** mestilah dibuat dalam tempoh **30 hari** dari tarikh kemalangan kepada **Takaful Malaysia, Putrajaya**. Mana-mana anggota atau waris perlu mengemukakan tuntutan dan segala dokumen berkaitan kepada pihak **Takaful Malaysia, Putrajaya** sepertimana alamat yang dinyatakan. Segala dokumen tuntutan boleh diperolehi melalui cawangan Takaful Malaysia, Putrajaya ataupun melalui laman sesawang **takaful-malaysia.com.my** atau JPNIN **www.jpnin.gov.my** atau menghubungi 1300-8-TAKAFUL (825 2385).

Takaful Malaysia berhak meminta dokumen-dokumen khusus yang lain sekiranya perlu dengan kos ditanggung oleh pihak yang menuntut.

### TATACARA TUNTUTAN

Jenis Tuntutan	Dokumen Berkaitan
A. Tuntutan Kematian Kemalangan ( tuntutan manfaat (a) dan (e) )	i) Borang tuntutan yang diisi lengkap ii) Laporan Polis iii) Sijil kematian yang disahkan / Salinan permit menguburkan yang disahkan iv) Salinan kad pengenalan dan pengesahan keanggotaan
B. Khairat Kematian ( tuntutan manfaat (f) )	i) Borang tuntutan yang diisi lengkap ii) Sijil kematian yang disahkan / Salinan permit menguburkan yang disahkan (Pengesahan kematian akibat sebab-sebab biasa atau penyakit oleh pihak yang bertanggungjawab) iii) Salinan kad pengenalan dan pengesahan keanggotaan
C. Tuntutan Lumpuh Berkekalan / Terpisah Atau Hilang Anggota Badan / Keilatan Kekal ( tuntutan manfaat (b) )	i) Borang tuntutan yang diisi lengkap bersama dokumen-dokumen sokongan berikut:- a) Laporan Perubatan b) Gambar sebelum dan selepas kemalangan c) Pengesahan Pakar Perubatan bagi % pampasan bagi keilatan kekal separa ii) Laporan Polis iii) Salinan kad pengenalan dan pengesahan keanggotaan
D. Tuntutan Elaun & Belanja Hospital ( tuntutan manfaat (c) dan (d) )	i) Borang tuntutan yang diisi lengkap ii) Ward Chit / Pengesahan rawatan iii) Salinan asal resit pembayaran & Bil rawatan iv) Salinan kad pengenalan dan pengesahan keanggotaan

### PERTANYAAN DAN BANTUAN

Skim JPNIN diuruskan secara langsung oleh Pengurus dan Pegawai berikut untuk sebarang pertanyaan dan bantuan:-

- Pengurus : Roslan bin Abdullah**  
**HP – 016 2076573** [roslan.abdullah@takaful-malaysia.com.my](mailto:roslan.abdullah@takaful-malaysia.com.my)  
**Pegawai : Badrisam bin Kamaruddin**  
**HP – 019 6233958** [Badrisam.Kamarudin@takaful-malaysia.com.my](mailto:Badrisam.Kamarudin@takaful-malaysia.com.my)  
**Nasarudin bin Abu Said**  
**HP – 016 6913621** [nasa.said@takaful-malaysia.com.my](mailto:nasa.said@takaful-malaysia.com.my)  
**Alamat : Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Putrajaya Tingkat 1, Block E 16, Parcel E, Precint 1 Anjung 62000 Putrajaya, Wilayah Persekutuan.**  
**Tel No. 03-8889 5261, Fax No. 03-8889 5262**